

Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar

(The Relationship between Entrepreneurial Attitudes and Behaviors Towards Entrepreneurial Career Choice Among Students)

Lim Siok Ling^{1*}, Sheerad Sahid², Norasmah Othman³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: vivianlsl1993@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: sheerad@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: lin@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Lim Siok Ling

(vivianlsl1993@gmail.com)

KATA KUNCI:

Sikap

Tingkah laku

Kerjaya

Keusahawanan

Pelajar

KEYWORDS:

Attitude

Behavior

Career

Entrepreneurship

Students

CITATION:

Lim, S. L., Sheerad Sahid, & Norasmah Othman. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>

Keusahawanan memainkan peranan penting dalam menentukan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Bidang keusahawanan merupakan pilihan kerjaya yang digemari oleh generasi muda khususnya di negara maju. Terdapat segelintir graduan Malaysia menganggap keusahawanan sebagai pilihan kedua atau terakhir mereka. Penyelidikan ini bertujuan untuk menguji hubungan antara sikap keusahawanan dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dalam talian, dan data dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 26.0 dan teknik statistik deskriptif dan inferensi. Sampel kajian ini terdiri daripada 336 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Borang soal selidik adalah sebagai instrumen kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan antara sikap dan tingkah laku pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan adalah sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia secara amnya digalakkan memilih kerjaya keusahawanan selepas tamat pengajian. Analisis regresi bagi sikap dan tingkah laku terdapat hubungan yang signifikan ialah 0.502 dan 0.063, bermaksud kadar hubungan dua pemboleh ubah tersebut adalah tinggi. Nilai p bagi pemboleh ubah adalah kurang daripada tahap signifikan ($p < 0.001$), data sampel memberikan bukti yang cukup untuk menolak hipotesis. Implikasi hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa para pendidik merancang dan menjalankan program pembelajaran keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi merangsang minat mereka dalam bidang keusahawanan dan menjadikan kerjaya keusahawanan sebagai pilihan utama mereka pada masa akan datang.

ABSTRACT

Entrepreneurship plays an important role in determining the economic progress of a country. Entrepreneurship is a preferred career choice for the younger generation, especially in developed countries. There are a handful of Malaysian graduates who consider entrepreneurship as their second or last choice. This research aims to test the relationship between entrepreneurial attitudes and entrepreneurial career choice behaviors of Universiti Teknologi Malaysia students. The tool used in this study was an online questionnaire, and the data were analyzed using the Social Science Statistics Package (SPSS) version 26.0 and descriptive and inferential statistical techniques. The sample of this study consisted of 336 students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The questionnaire was used as a research instrument. The results showed that the relationship between students' attitudes and behaviors towards entrepreneurial career choice was moderately high. Overall, this study found that Universiti Kebangsaan Malaysia students are generally encouraged to choose an entrepreneurial career after graduation. Regression analysis for attitudes and behaviors there is a significant relationship is 0.502 and 0.063, meaning that the relationship rate of the two variables is high. The p value for the variable is less than the significant level ($p < 0.001$), the sample data provides enough evidence to reject the hypothesis. Implications of this research show that educators plan and conduct entrepreneurship learning programs among students to stimulate their interest in the field entrepreneurship and make an entrepreneurial career their top choice in the future.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan sumbangan literatur sedia ada dan yang baru berkaitan dengan kajian hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.

1. Pengenalan

Bidang keusahawanan merupakan satu agenda penting sesebuah negara. Ini kerana bidang tersebut selalu dikaitkan dengan keupayaannya dalam membantu pembangunan ekonomi (Norasmah & Salmah, 2011). Bidang keusahawanan merupakan pilihan kerjaya yang digemari oleh generasi muda khususnya di negara maju. Bagaimanapun, graduan Malaysia menganggap keusahawanan sebagai pilihan kedua atau terakhir mereka (Rohaila et al., 2005). Selain itu, persepsi negatif terhadap kerjaya keusahawanan menyebabkan bilangan graduan memulakan perniagaan sendiri masih tidak begitu memberangsangkan (Obschonka & Stuetzer, 2017). Ini kerana kebanyakan graduan tidak menganggap peluang perniagaan yang ditawarkan oleh bidang keusahawanan sebagai kerjaya alternatif. Buktinya, menurut laporan Kementerian Pendidikan Tinggi (2020) mendapati lebih daripada 35,000 graduan pada tahun 2020 menganggur dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

Ironinya, bidang keusahawanan dilaporkan berupaya mencipta banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam kajian (Lunati et al., 2010). Hal ini secara tak

langsung dapat membantu kerajaan meminimumkan isu pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini disokong lagi oleh kajian [Nasharudin dan Harun \(2010\)](#) yang mengatakan bahawa isu pengangguran merupakan isu global yang sering menjadi satu bebanan kepada kerajaan sesebuah negara. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilancarkan oleh kerajaan untuk menarik minat para belia menceburi kerjaya keusahawanan. Menurut dapatan [Kumar dan Kurniawan \(2019\)](#), tanggungjawab untuk melahirkan usahawan yang berkualiti telah disarankan oleh kerajaan Malaysia kepada sekolah dan institusi pengajian tinggi. Malah Kerajaan Malaysia juga berhasrat untuk menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang 2030. Kini, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021–2025 bagi membudayakan lebih ramai institusi keusahawanan dalam kalangan pelajar dan lepasan pengajian tinggi ([Silva, 2016](#)).

Berdasarkan pernyataan di atas, satu kajian telah dijalankan untuk menentukan hubungan antara sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Secara spesifiknya, objektif (1) mengenal pasti sikap dan tingkah laku yang mendorong kepada pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar, dan objektif (2) menguji hubungan antara sikap dan tingkah laku pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan.

2. Pernyataan Masalah

Bidang keusahawanan merupakan kaedah paling berkesan dalam transformasi ekonomi negara ke arah negara maju mengikut tempoh masa yang ditetapkan ([Salleh et al., 2012](#)). Namun begitu, sikap dan tingkah laku keusahawanan masih terhad dalam kalangan graduan di mana lebih ramai pelajar rela mencari kerja berbanding dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ([Sarebah et al., 2010](#)). Berdasarkan [Meyer dan Jongh \(2018\)](#) *Laporan Statistik Global Entrepreneurship Monitor (GEM)* pada tahun 2018/2019 mendapati hanya 18.3 peratus daripada penduduk Malaysia mempunyai niat keusahawanan berbanding dengan negara-negara seperti Indonesia (28.1%), Colombia (52.5%) dan Thailand (37.4%). Sekiranya tren ini berterusan, maka usaha kerajaan untuk memperkasakan bidang keusahawanan akan menjadi lebih sukar kerana kurangnya pelajar minat menjadikan usahawan sebagai bidang kerjaya ([Meyer & Jongh, 2018](#)).

Selain itu, keadaan ekonomi yang tidak menentu dan peningkatan bilangan graduan setiap tahun menyebabkan berlakunya masalah graduan bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh ([Halimah & Norfadhilah 2010](#)), salah satu faktor berlakunya pengangguran adalah disebabkan oleh peningkatan dan pemberhentian pekerja-pekerja syarikat swasta, terutamanya dalam situasi pandemik sekarang. Ini menyebabkan peluang pekerjaan menjadi terhad. Menurut Laporan Pengesanan Graduan TVET 2020, mendapati 72.8% graduan, iaitu 1893 orang masih belum bekerja dan sedang mencari pekerjaan ([Hassan et al. 2020](#)). Walaupun kerajaan telah merangka pelbagai rancangan keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran dan memupuk usahawan yang berdaya saing masa kini. Namun, apabila minat pelajar terhadap bidang keusahawanan masih rendah usaha ini masih gagal ([Hoe et al., 2012](#); [Aishah et al., 2010](#)).

Sikap graduan yang terlalu memilih pekerjaan juga menyumbang kepada isu pengangguran. Tambahan pula, kegagalan melihat peluang dan mengambil risiko telah menyebabkan para pelajar tidak sedar bahawa bidang keusahawanan yang boleh menjadikan sebagai kerjaya alternatif. Ini kerana ramai pelajar masih menganggur atau

tercari-cari pekerjaan yang sesuai, dan berharap memperoleh pendapatan yang setimpal dengan kelayakan akademik mereka. Perkara ini juga pernah diutarakan oleh [Renko et al. \(2015\)](#) menyatakan memiliki sikap dan tingkah laku yang negatif terhadap kerjaya keusahawanan walaupun bidang keusahawanan merupakan satu kerjaya yang dipandang mulia dalam agama Islam.

Maka, dapatan [Rahman \(2015\)](#) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar diploma Kejuruteraan politeknik dalam bidang keusahawanan, mendapati bahawa elemen sikap dan kecenderungan personaliti merupakan penghalang kepada pelajar dalam bidang keusahawanan. Pernyataan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh [Salam et al. \(2013\)](#) yang mendapati sikap, persepsi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar terhadap kerjaya pemilihan keusahawanan adalah saling berkait. Hasil kajian beliau menunjukkan keraguan dan maklumat yang tidak jelas dalam pemilihan kerjaya adalah disebabkan oleh tahap sikap yang sederhana terhadap sesuatu bidang kerjaya.

3. Soroton Literatur

3.1. Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan

Menurut kajian lepas oleh [Aziz \(2014\)](#) serta [Salleh \(2005\)](#), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pemilihan individu terhadap kerjaya keusahawanan, dan salah satu faktor utama adalah sikap seseorang. Ini kerana proses pemilihan kerjaya melibatkan individu itu sendiri, ini termasuk personaliti dan sikap individu. Pernyataan ini disokong oleh [David \(2004\)](#) yang mengatakan bahawa keputusan sama ada untuk memulakan sesuatu perniagaan berkaitan rapat dengan sikap positif individu terhadap bidang keusahawanan. Dalam konteks ini, [Teicher et al. \(2016\)](#) percaya bahawa pemilihan dan penglibatan individu dalam kerjaya keusahawanan, bukan sahaja ditentukan oleh keinginan untuk melakukan sesuatu secara bersendirian, malah juga atas kepercayaan dan keyakinan terhadap keupayaan sendiri untuk melaksanakan sesuatu matlamat. Justeru, penyelidik mengemukakan banyak persoalan dan cabaran dalam kajian dan teknik menentukan hubungan sikap dengan bidang keusahawanan ([Zhang et al., 2018](#)).

Sikap boleh mempengaruhi daya tarikan seseorang atau tingkah laku tertentu. Selain itu, salah satu pertimbangan tingkah laku peribadi adalah memberi nilai personel yang positif atau negatif semasa membuat keputusan tentang kerjaya masa depan ([Ajzen, 2012](#)). Hasil penyelidikan oleh [Kalafatis et al. \(1999\)](#) dan [De Clercq et al. \(2013\)](#) menunjukkan bahawa sikap individu berkait rapat dengan keinginan individu. Ini juga diutarakan oleh kajian [Noor et al. \(2009\)](#) yang membuktikan bahawa sikap unsur penting apabila mengambil kira persoalan yang timbul demi mencapai keinginan individu. Sebagai contoh, [Ooi et al. \(2017\)](#) mengatakan bahawa untuk menjadi seorang usahawan, mesti lahirnya keinginan terhadap kerjaya tersebut daripada individu itu sendiri, serta tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain (sama ada dalam atau luar persekitaran).

Tambahan pula, pemilihan kerjaya dikatakan banyak dipengaruhi oleh sikap ([Salleh et al., 2012](#)). Dengan kata lain, keputusan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya adalah berdasarkan sikap positif individu terhadap bidang tersebut. Justeru, sikap dianggap sebagai pendekatan terbaik untuk menjelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai kekurangan dan kelemahan dalam kajian lepas yang menggunakan ciri personaliti untuk mengenal pasti proses pemilihan kerjaya keusahawanan ([Kuratko & Hodgetts, 2004](#)). Namun begitu, kaedah menilai sikap individu masih dianggap sebagai

cara terbaik untuk meramal tahap keinginan individu terhadap sesuatu kerjaya (Sklaveniti, 2017).

3.2. Tingkah Laku Terhadap Kerjaya Keusahawanan

Penemuan Bryant (2006) menunjukkan bahawa tingkah laku adalah elemen utama dalam proses pemilihan kerjaya keusahawanan dan merupakan kunci untuk menentukan sama ada seseorang itu ingin menceburi bidang tersebut. Proses pemilihan kerjaya keusahawanan bermula dengan keinginan individu. Kemudian, proses mengenal pasti dan menilai peluang kerjaya tersebut akan memutuskan sama ada seseorang individu ingin menceburi kerjaya keusahawanan (Bryant 2006; Hisrich et al., 2008). Oleh itu, konsep tingkah laku banyak mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan dan sering menjadi fokus kajian yang berkaitan dengan bidang keusahawanan. Oleh sebab itu, tingkah laku dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang boleh menentukan kadar pemilihan kerjaya keusahawanan.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Bird (1988) menjelaskan bahawa tingkah laku berkaitan rapat dengan bidang keusahawanan. Kajian beliau juga mendapati bahawa interaksi antara individu dengan persekitaran atau konteks sosial boleh menyokong atau mempengaruhi tingkah laku. Oleh itu, pihak sekolah memainkan peranan penting untuk menerapkan sifat-sifat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Berdasarkan dapatan tersebut, Bird (1988) juga mendefinisikan tingkah laku keusahawanan sebagai pandai mencipta peluang, mempunyai ciri atau nilai pemanduan, berani mengambil risiko, pemikiran kreatif dan sebagainya.

Selain itu, Miltenberger (2001) percaya bahawa tingkah laku boleh dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku dalam persekitaran dan dipelajari secara sistematik. Manakala, dapatan Zainol et al. (2018) menunjukkan bahawa tingkah laku adalah sama pentingnya dengan faktor sikap terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Tiga jenis tingkah laku keusahawanan yang popular adalah (1) meningkatkan kecekapan melalui inovasi, (2) membuka peluang pasaran baharu dan (3) meningkatkan keberkesanan kos. Dapatan Nor (2015) juga menunjukkan bukti di mana ciri-ciri personaliti individu boleh mendorong kepada pembentukan tingkah laku keusahawanan.

Malah, dalam kajian Gartner (1988), tingkah laku keusahawanan merupakan elemen utama dalam bidang keusahawanan. Menurutnya, tingkah laku keusahawanan dapat menentukan kejayaan dalam pembentukan sesebuah organisasi. Sehubungan ini, dibandingkan dengan faktor personaliti atau sikap, Gartner (1988) menyarankan konsep tingkah laku adalah lebih sesuai untuk mengkaji proses pemilihan kerjaya usahawan. Penemuannya juga disokong oleh beberapa kajian lain. Contohnya, kajian Ravi and (2015) mendapati pendedahan awal terhadap bidang keusahawanan dipercayai dapat mendorong pembentukan sikap atau personaliti positif, dan mempengaruhi tingkah laku untuk menceburi kerjaya keusahawanan atau memulakan perniagaan.

4. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan mengumpul data kajian melalui kaedah tinjauan. Jumlah populasi kajian adalah seramai 2,674 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia Semester 2021 (Bernama, 2021). Mengikut jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel kajian yang sesuai terdiri daripada 336 orang pelajar. Teknik persampelan rawak

mudah telah digunakan bagi mengenal pasti sampel yang mewakili setiap daerah di Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.

Borang soal selidik diedarkan kepada responden dalam talian. Tiga bahan kajian soal selidik tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 5 item mengenai latar belakang responden. Bahagian B diadaptasi daripada kajian [Ravi \(2015\)](#) mengandungi 10 item mengenai sikap dan Bahagian C pula mengandungi 10 item mengenai tingkah laku keusahawanan. Data dalam kajian dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial Versi 26.0 (SPSS). Kesemua item di Bahagian B dan Bahagian C menggunakan Skala Likert lima titik (1= sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Ini kerana [Chua \(2006\)](#) mengatakan bahawa menggunakan Skala Likert menyediakan data kuantitatif yang lebih mudah untuk dianalisis.

Kesahan dilakukan untuk memastikan item yang diukur dapat difahami oleh responden ([Hair et al. 2006](#)). Kesahan ini menggunakan analisis regresi antara skor item dan dikaitkan dengan jumlah skor setiap item iaitu sikap dan tingkah laku keusahawanan. Regresi linear menggambarkan hubungan antara satu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Oleh itu, regresi linear diukur dalam kajian ini untuk meramalkan dan melihat corak hubungan linear sikap dan tingkah laku keusahawanan dengan kesan pengantara keinginan keusahawanan. Di samping itu, ia digunakan untuk mengenal pasti sama ada hipotesis diterima atau ditolak. Menurut dapatan [Bakar \(1995\)](#) serta [Kamaruzaman & Zainol \(2012\)](#), tahap kepentingan adalah 0.05 dengan 95 peratus tahap keyakinan. Oleh itu, apabila hubungan antara pemboleh ubah adalah signifikan, maka hasil dapatan pada tahap penerimaan.

Manakala kebolehpercayaan diukur menggunakan kaedah ketekalan dalaman ([Pulka, Aminu & Rikwentishe, 2015](#)). Pekali *Cronbach Alpha* digunakan untuk mengukur ketekalan dalaman instrumen. Menurut [Creswell \(2012\)](#), nilai *Cronbach Alpha* yang lebih tinggi daripada 0.80 menunjukkan bahawa projek itu mempunyai konsistensi yang baik dalam membuat keputusan. Keputusan ujian menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* ialah 0.968 iaitu melebihi 0.80. Dengan cara ini, instrumen yang digunakan mempunyai ketekalan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Menurut [Taber \(2018\)](#), instrumen yang relevan dan baik adalah instrumen yang mempunyai nilai alfa yang sama ataupun melebihi 0.80.

5. Hasil Kajian

Maklumat latar belakang responden dikumpulkan dengan menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, purata, dan sisihan piawai. Analisis inferensi menggunakan pekali korelasi *Pearson* untuk menguji objektif kajian dan hasil tinjauan.

5.1. Analisis Profil Responden

[Jadual 1](#) menunjukkan bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Perbezaan antara kedua-dua sebanyak 36.9%. Kebanyakan pelajar antara julat umur 20-22 tahun. Majoriti pelajar daripada bidang sastera seramai 158 orang. Bagi kategori pelajar yang menyertai aktiviti perniagaan, ramai pelajar pernah menyertai aktiviti perniagaan. Seramai 134 pelajar merancang untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian, dan hanya segelintir pelajar yang tidak merancang untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian.

Jadual 1: Analisis Profil Responden

Kategori	Responden	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	106	31.55
	Perempuan	230	68.45
Umur	20-22	156	46.43
	23-25	100	29.76
	26 ke atas	80	23.81
Bidang	Sains	67	19.94
	Sastera	158	47.02
	Teknikal	96	28.57
	Lain-lain	30	4.46
Adakah anda terlibat dalam aktiviti perniagaan sekarang?	Ya	289	86.01
	Tidak	47	13.09
Bilakah anda akan memulakan perniagaan?	Setelah Tamat Pengajian	134	39.8
	Setahun Selepas Tamat Pengajian	112	33.33
	Dua Tahun Selepas Tamat Pengajian	60	17.86
	Tidak Bercadang untuk Menjalankan Perniagaan	30	8.93

5.2. Mengenal pasti sikap dan tingkah laku yang mendorong kepada pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar

Keputusan dalam [Jadual 2](#) menunjukkan purata skor sikap pelajar berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, purata skor untuk sikap ialah 3.55 dan sisihan piawai ialah 0.79. Hasil analisis menunjukkan item 10 (percaya mengenai masa depan) mempunyai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 285 item (84.83%). Ini bermakna pelajar harus mempertimbangkan kemungkinan masa depan, bukan pencapaian lepas. Mengikut item 2 (menyiapkan perkara dalam masa yang tepat), seramai 3 orang pelajar (0.89%) didapati tidak bersetuju dengan item tersebut. Ini bermakna pelajar tidak terlalu memberi perhatian kepada pilihan kerjaya, tetapi menikmati kehidupan peribadi mereka.

Jadual 2: Kekerapan dan Peratusan bagi Sikap Keusahawanan (n=336)

Item	Sikap	Skala				
		STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
1	Kepuasan untuk menghasilkan kerja tinggi.	10 (2.98)	17 (5.06)	57 (16.96)	154 (45.83)	98 (29.17)
2	Menyiapkan perkara dalam masa yang tepat.	-	3 (0.89)	15 (4.46)	212 (63.10)	106 (31.55)
3	Keputusan yang kukuh untuk kerjaya perniagaan.	-	5 (1.49)	17 (5.06)	187 (55.65)	127 (37.80)
4	Menganalisis kelemahan diri bila-bila masa.	-	-	84 (25.00)	195 (58.04)	57 (16.96)

5	Sering meluangkan masa peribadi dalam perniagaan sendiri.	-	20 (5.95)	87 (25.89)	113 (33.63)	116 (34.52)
6	Menyiapkan kerja dengan ikhlas untuk mencapai sasaran.	-	-	12 (3.57)	225 (66.96)	99 (29.46)
7	Berusaha dalam pekerjaan sendiri.	-	-	10 (2.97)	215 (63.99)	111 (33.04)
8	Membuat kerja atau projek yang dijalankan dengan sempurna.	-	-	88 (26.19)	187 (55.65)	61 (18.16)
9	Rasa gembira apabila keputusan telah dicapai.	-	-	33 (9.82)	254 (75.60)	49 (14.58)
10	Percaya mengenai masa depan.	-	-	11 (3.27)	285 (84.83)	40 (11.90)
Min		=	3.55			
Sisihan piawai		=	0.79			
Keseluruhan Skor Tahap Sikap		=	Sederhana			

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan sikap pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Dari segi skor purata, sikap pelajar terhadap pilihan kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana, dengan 291 (86.61%). Selain itu, kekerapan dan peratusan pelajar tahap tinggi ialah 30 orang pelajar (8.93%), dan yang terakhir ialah 15 orang pelajar tahap rendah (4.46%). Ini membuktikan bahawa kebanyakan pelajar yang ditemu duga mempunyai matlamat yang perlu dicapai.

Jadual 3: Skor Purata Tahap Sikap yang Mendorong Pelajar Untuk Memulakan Pilihan Kerjaya

Peringkat Tahap Sikap	Min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.01-2.00	15	4.46
Sederhana	2.01-4.00	291	86.61
Tinggi	4.01-6.00	30	8.93

Jadual 4 menunjukkan dapatan kekerapan dan peratusan tingkah laku keusahawanan dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan skor min bagi tingkah laku ialah 3.25 dan sisihan piawai adalah 0.81. Hasil analisis menunjukkan kekerapan dan peratusan yang tertinggi ialah item 10, iaitu (*mendengar nasihat dari keluarga pasal perniagaan*) seramai 315 (93.75%). Ini membuktikan praxiswazah sering mendapat nasihat daripada ahli keluarga dan sahabat apabila mereka ingin menceburi bidang keusahawanan. Berdasarkan item 1 menunjukkan peratus yang terendah (*pernah menyertai Progam Keusahwanan*) mendapati seramai 6 (1.78%). Mereka jarang menyertai program keusahawanan. Ini boleh disebabkan oleh kekurangan aktiviti keusahawanan dijalankan sepanjang pengajian di universiti.

Jadual 4: Kekerapan dan Peratusan Tingkah Laku Keusahawanan (n=336)

Item	Tingkah Laku	Skala				
		STS	TS	KS	S	SS
		n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)
1	Pernah menyertai Progam Keusahwanan.	6 (1.78)	12 (3.57)	57 (16.96)	154 (45.83)	107 (31.84)

2	Pernah menjual barang dalam kalangan rakan sebaya.	10 (2.98)	17 (5.06)	57 (16.96)	154 (45.83)	98 (29.17)
3	Pernah menyertai Kelab Usahawan.	-	-	15 (4.46)	205 (61.01)	116 (34.53)
4	Pernah mengambil subjek keusahwanan di sekolah.	-	-	12 (3.57)	225 (66.96)	99 (29.46)
5	Suka membaca berita keusahawanan.	-	17 (5.06)	20 (5.95)	201 (59.82)	98 (29.17)
6	Selalu menyertai ceramah yang dianjurkan oleh guru di sekolah.	-	-	55 (16.37)	182 (54.17)	99 (29.46)
7	Berminat maklumat tentang info perniagaan.	-	-	58 (17.26)	191 (56.85)	87 (25.89)
8	Selalu mencari peluang perniagaan.	-	-	32 (9.52)	301 (89.58)	67 (19.94)
9	Suka berbincang idea dengan orang lain.	-	-	22 (6.55)	266 (79.17)	48 (14.29)
10	Mendengar nasihat dari keluarga pasal perniagaan.	-	-	13 (3.87)	315 (93.75)	8 (2.38)
	Min	=	3.25			
	Sisihan piawai	=	0.81			
	Keseluruhan Skor	=	Sederhana			

Jadual 5 menunjukkan min, kekerapan dan peratusan bagi tahap tingkah laku terhadap keusahawanan dalam kalangan pelajar. Mengikut penjelasan skor purata, tahap tingkah laku keusahawanan pelajar adalah pada tahap sederhana. Sebagai contoh oleh kerana tingkah laku dipaparkan sebagai sederhana dalam **Jadual 5**, ini juga dapat dilihat dengan terperinci dalam **Jadual 5** apabila kekerapan dan peratusan untuk tahap sederhana adalah seramai 279 orang (83.04%). Sementara itu, bagi frekuensi dan peratus tahap tinggi adalah 35 orang (10.41%) dan akhir sekali ialah 22 orang (6.55%) untuk tahap rendah. Ini selaras dengan kajian Olanrewaju et al. (2020) yang membuat penemuan berbeza, iaitu tingkah laku dan pemikiran keusahawanan peringkat tinggi membolehkan individu menangani masalah yang kompleks.

Jadual 5: Skor Purata Tahap Tingkah Laku yang Mendorong Pelajar Untuk Memulakan Pilihan Kerjaya

Peringkat Tahap Tingkah Laku	Min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.01-2.00	22	6.55
Sederhana	2.01-4.00	279	83.04
Tinggi	4.01-6.00	35	10.41

5.3. Menguji Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Terhadap Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Bagi Pelajar Di Universiti Kebangsaan Malaysia

Jadual 6 memperincikan analisis regresi mempunyai tujuan yang sama dengan analisis korelasi, iaitu untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah; namun, analisis regresi adalah lebih terperinci kerana ia boleh digunakan untuk meramal kemungkinan perubahan kepada pemboleh ubah bersandar sekiranya berlaku perubahan kepada pemboleh ubah tidak bersandar. Ini kajian menggunakan regresi berganda untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah bersandar (pemilihan kerjaya keusahawanan) dan pemboleh ubah tidak bersandar (tingkah laku dan sikap). Objektif analisis ini adalah

untuk melihat nilai signifikan secara statistik. Di samping itu, ia digunakan untuk mengenal pasti sama ada hipotesis diterima atau ditolak. Tahap sikap adalah 0.05 dengan 95 peratus tahap tingkah laku. Menurut [Malhorta \(2010\)](#), apabila hubungan antara pemboleh ubah adalah signifikan, maka hasil dapatan pada tahap penerimaan.

Jadual 6: Analisis Regresi Antara Sikap dan Tingkah Laku Terhadap Pilihan Kerjaya Keusahawanan

Pemboleh ubah	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t-stat	Sig.
	Beta	Std. Error	Beta		
Sikap	0.116	0.344	0.502	0.374	0.703
Tingkah Laku	0.449	0.046	0.063	0.956	0.325

Berdasarkan keputusan analisis regresi berganda, sikap mempunyai kesan positif terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Standardized Coefficient Beta* atau β membandingkan kekuatan kesan setiap pemboleh ubah tidak bersandar kepada pemboleh ubah bersandar. Semakin tinggi nilai mutlak beta, semakin kuat kesan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. *Standardized Coefficient Beta* mempunyai sisihan piawai sebagai unit mereka. Ini bermakna pemboleh ubah boleh dibandingkan dengan satu sama lain.

Standardized Coefficient Beta di dalam [Jadual 6](#) menunjukkan jumlah sumbangan pemboleh ubah sikap dan tingkah laku terhadap kerjaya keusahawanan. Nilai p bermaksud hubungan signifikan antara setiap pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai p bagi pemboleh ubah adalah kurang daripada tahap signifikan ($p < 0.001$), data sampel memberikan bukti yang cukup untuk menolak hipotesis nol.

5. Perbincangan Kajian

Jelaslah bahawa pelajar mempunyai tahap sikap dalam keinginan keusahawanan berada pada tahap tinggi. Ia merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan dalam bidang tersebut. Dapatan ini telah mengembangkan kajian oleh [Hassanain \(2015\)](#) yang menunjukkan sikap keusahawanan yang tinggi akan menjadikan individu lebih berminat untuk menjadi seorang usahawan selepas tamat pengajian. Ini kerana penguasaan sikap keusahawanan individu menyebabkan mereka sanggup berkorban masa, mengambil risiko, dan tidak mudah berputus asa dalam merealisasikan matlamat mereka.

Manakala, tahap tingkah laku keusahawanan bagi golongan pelajar juga berada pada tahap tinggi. Menurut kajian [Ishak et al. \(2017\)](#) dan [Capelleras \(2019\)](#) menunjukkan bahawa penguasaan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan secara tidak langsung mendorong usahawan untuk menyertai perniagaan dan keusahawanan, serta melatih mereka merancang dengan lebih berkesan. Seterusnya, tingkah laku pelajar sangat relevan dalam bidang keusahawanan ([Ravi & Nor Aishah, 2016](#)). Kajian beliau juga menunjukkan bahawa sikap pelajar dan tingkah laku amat penting dalam bidang keusahawanan dan berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya, kajian [Brown dan Hanlon \(2004\)](#) juga mengatakan kejayaan dalam bidang keusahawanan adalah bergantung kepada keberkesanan tanggungjawab individu (hasil daripada tingkah laku mereka sendiri).

Hubungan bagi sikap dan tingkah laku terhadap keinginan keusahawanan adalah sangat kuat. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Aziz dan Zakaria (2004), Norasmah dan Faridah (2010) serta Fauzi et al. (2007) yang menunjukkan bahawa kejayaan serta pemilihan seseorang terhadap sesuatu kerjaya (dalam hal ini bidang keusahawanan) boleh dilihat dari tingkah laku mereka terhadap sesuatu perkara. Justeru, pembentukan tingkah laku terhadap keinginan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan mempunyai hubungan yang rapat dengan sikap seseorang individu. Keadaan ini telah dibuktikan menerusi pandangan Krueger dan Carsrud (1993) yang mengutarakan bahawa sikap sering mempengaruhi tingkah laku melalui kesannya ke atas keinginan terhadap keusahawanan. Di samping itu, dapatan kajian Mohar et al. (2007) turut menyokong dapatan Krueger dan Carsrud (1993) dan secara tersirat mengukuhkan dapatan kajian ini di mana, keinginan seseorang individu terhadap keusahawanan adalah bergantung pada sikap individu tersebut. Maka, dapatan kajian ini, telah menyokong dapatan kajian-kajian tersebut kerana sikap dan tingkah laku mempunyai hubungan yang kuat terhadap keinginan dalam memilih kerjaya keusahawanan dalam kalangan prasiswazah India.

7. Kesimpulan

Secara umum, berdasarkan penelitian, pilihan kerjaya keusahawanan boleh dipengaruhi oleh banyak faktor terutamanya mengikut sikap dan tingkah laku individu. Panduan asas ini boleh membantu pelajar lebih bersedia untuk menghadapi risiko yang berkemungkinan sekiranya ingin menceburi bidang keusahawanan. Pihak sekolah boleh menggalakkan pelajar menyertai lebih banyak aktiviti perniagaan bagi memupuk lebih ramai usahawan pada masa depan. Dengan ini, kadar kejayaan dalam bidang keusahawanan juga dapat ditingkatkan apabila graduan mengaplikasikan ilmu keusahawanan yang dipelajari (teori) dan pada masa yang sama, mempunyai pengalaman secara praktikal sepanjang pengajian mereka di institusi pendidikan.

Justeru, penerapan sikap positif amat penting dan perlu diteruskan dan diperkasakan lagi bagi membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar apabila mereka memilih kerjaya keusahawanan. Sehubungan itu, pihak yang berkenaan khususnya warga pendidik seharusnya memberi lebih perhatian kepada pembentukan sikap dan tingkah laku keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan mengadakan lebih banyak ceramah, seminar, kempen dan aktiviti lain yang berkaitan dengan keusahawanan. Semua pihak perlu berganding bahu menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama graduan agar Malaysia dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah negara keusahawanan tulen menjelang 2030.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Sheerad dan Prof. Norasmah selaku pensyarah penyelia atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Para penulis tidak mempunyai konflik kepentingan terhadap kajian ini.

Rujukan

- Aishah, A. W., Zaayah, S., Anuar, A. R., & Fauziah, C. I. (2010). Spatial variability of selected chemical characteristics of paddy soils in Sawah Sempadan, Selangor, Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 14(2), 16-28.
- Aziz, Ab. Y. & Zakaria Y. (2004). Keusahawanan Motivasi Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan, Petaling Jaya. *Jurnal Lantanida*, 5(2), 85-88.
- Aziz Ab. Y. (2014). Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan, Kuala Lumpur: *Scholar Mind Publishing*, 5(11), 32-33.
- Ajzen, I. (2012). Perceived Behavioral Control, self – efficacy, locus of control and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665- 683.
- Bakar, A. (1995). Teacher Preparation Concerns: Professional Needs of Malaysian Secondary School Science Teachers. *Journal of Affective Disorders*, 256-258.
- Bantial, A. (2020). Hubungan Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Dengan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir Prasiswazah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(7), 12-14.
- Bernama (2021). Astro Awani. Kadar pengangguran 3,2 peratus setakat, 31 Disember-Jabatan Perangkaan.
- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). The Operation of Entrepreneurial Intention. *Journal of Affective Disorders*, 13(2), 21-29.
- Brown, T. C., & Hanlon, D. (2004). Developing behavioural observation scales to foster effective entrepreneurship. *Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 17(2), 103-116.
- Bryant, P. (2006). "Self-regulation and entrepreneurial career choice", in: 3rd AGSE International Entrepreneurship Research Exchange, Auckland, New Zealand.
- Capelleras, J. L., Contin-Pilart, I., Larraza-Kintana, M., & Martin-Sanchez, V. (2019). Entrepreneurs' human capital and growth aspirations: The moderating role of regional entrepreneurial culture. *Small Business Economics*, 52(1), 3-25.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah penyelidikan. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: McGraw – Hill.
- Creswell, J. W. (2012). Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Edisi ke-4. Boston: *Pearson Education Inc.*
- David, M. (2004). Attitudinal scale measures in Euclidean geometry: what do they measure? South African. *Journal of Education*, 24(1), 1-4.
- De Clercq, D., Dimov, D., & Thongpapanl, N. (2013). Organizational social capital, formalization, and internal knowledge sharing in entrepreneurial orientation formation. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 37(3), 505-537.
- Fauzi, H., Mahoney, L. S., & Abdul Rahman, A. (2007). The link between corporate social performance and financial performance: evidence from Indonesian companies. *Issues in Social and Environmental Accounting*, 1(1), 149-159.
- Gartner, W. B. (1988). Who is an entrepreneur? Is the wrong question. *Journal of Entrepreneurship Theory and Practice*, 47-49.
- Hair, E., Halle, T., Terry-Humen, E., Lavelle, B., & Calkins, J. (2006). Children's school readiness in the ECLS-K: Predictions to academic, health, and social outcomes in first grade. *Early Childhood Research Quarterly*, 21(4), 431-454.
- Halimah, H. & Norfadhilah, N. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11-17.
- Hassan, S. C., Hassan, N. C., Daud, S. M., & Karim, A. A. (2020). Tahap Kesediaan Keusahawanan Pelajar di Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Hulu Langat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 95-107.

- Hassanain, K. M. (2015). Integrating Zakah, Awqaf and IMF for Poverty Alleviation: Three Models of Islamic Micro Finance. *Journal of Economic and Social Thought*, 2(3), 193-211.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., Shepherd, D. A., & Shepherd, D. A. (2008). *Entrepreneurship*. New York: McGraw-Hill. *Journal of Economic and Social Thought*, 2(4), 15-16.
- Hoe, C. H., Isa, F. M., Hin, C. W., Hashim, N., Yunus, J. M., & Abdullah, H. H. (2012). Development of women entrepreneurs: The case of Malaysia. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 2(6), 111-121.
- Ishak, Z., Buang, N. A., & Halim, L. (2017). Ciri-ciri dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesiediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan Dalam Proses Pengajaran Guru-guru Sains di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 53-64.
- Kalafatis, S. P., Pollard, M., East, R., & Tsogas, M. H. (1999). Green marketing and Ajzen's theory of planned behaviour: a cross-market examination. *Journal of Consumer Marketing*, 6(3), 15-16.
- Kamaruzaman, M. F., & Zainol, I. H. (2012, December). Behavior response among secondary school students development towards mobile learning application. In *2012 IEEE Colloquium On Humanities, Science and Engineering (CHUSER)* (pp. 589-592).
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) (2020). Teks Ucapan Sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Dengan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 14(8), 15-16.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970) Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(1), 607-610.
- Krueger, N.F. & Carsrud, A.L. (1993). Entrepreneurial intentions: applying the theory of planned behavior. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5(1), 315-330.
- Kumar, S., & Kurniawan, D. (2019). The Relationship between Entrepreneurial Education, Family Background, Innovativeness, and Entrepreneurial Capabilities Toward Entrepreneurial Intention. In *The 3rd International Conference on Family Business and Entrepreneurship* (pp. 631-642).
- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship, a contemporary approach*. London: Dryden Press. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 25(1), 11-13.
- Lunati, M., Schlochtern, J. M., & Sargsyan, G. (2010). Measuring entrepreneurship—the OECD-Eurostat Entrepreneurship Indicators Programme. *OECD Statistics Brief*, 15(3), 1-12.
- Malhorta, N., & Sahadev, S. Purani, & K. (2010). *Marketing Research*, 19(1), 21-23.
- Meyer, N., & de Jongh, J. (2018). The importance of entrepreneurship as a contributing factor to economic growth and development: The case of selected European countries. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 10(4), 287-299.
- Miltenberger, R. G. (2001). *Behavior modification: Principles and procedures* (2nd ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Mohar, Y., Manjit Singh, S. & Kamal, K.J. (2007). Relationship between psychological characteristics and entrepreneurial inclination: A case study of students at University Tun Abdul Razak (UNITAR). *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*, 3(2), 1-2.
- Nor, S. Z. M. (2015). *Pelaksanaan konsep 5P (penggabungan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian) dalam Pengajaran Bahasa Melayu* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(1), 15-16.

- Noor, M., Basir M. S., & Mohammad, S. (2009). An attitude approach to the prediction of entrepreneurship on students at institution of higher learning in Malaysia. *International Journal of business management*, 4(4), 129-135.
- Norasmah, O., & Faridah, K. (2010). Entrepreneurship Behaviour amongst Malaysian University Students. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(1).
- Norasmah, O. & Salmah, I. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skim usahawan siswa. *Jurnal Teknologi*, 56(1), 47-63.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education*, (0126-6020), 35(1).
- Obschonka, M., & Stuetzer, M. (2017). Integrating psychological approaches to entrepreneurship: the Entrepreneurial Personality System (EPS). *Small Business Economics*, 49(1), 203-231.
- Olanrewaju, A. S. T., Hossain, M. A., Whiteside, N. & Mercieca, P. (2020). Social media and entrepreneurship research: A literaturer review. *International Journal of Information Management*, 50, 90-110.
- Ooi, Y.K., Christopher, S. & Denny, M. (2017). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International Journal of Business and Social Science*, 2(4), 206-220.
- Pulka, B.M, Aminu, A.A. & Rikwentishe, R. (2015). The Effects of Entrepreneurship Education on University Students' Attitude and Entrepreneurial Intention. *European Journal of Business and Management*, 7(20), 149-157.
- Rahman, M. S. B. A. (2015). Model Pelaksanaan Pemanfaatan Ruang Akademik Bagi Universiti Awam Di Malaysia. *Malaysian Journal of Education*, (0134-0236), 39(1).
- Ravi Nagarathanam (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. *Universiti Kebangsaan Malaysia. Research Gate*, 48-66.
- Ravi, N., & Nor Aishah, B. (2016). The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian Indian undergraduates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Renko, M., El, Tarabishy, A., Carsrud, A. L., & Brännback, M. (2015). Understanding and measuring entrepreneurial leadership style. *Jurnal of Small Business Management*, 53(1), 54-74.
- Rohaila, Y., Norasmah, O., & Faridah, K. (2005). Strategi pembelajaran pengalaman berasaskan model Kolb dalam pendidikan perakaunan. *Jurnal Pendidikan*, 30, 113-128.
- Salam, A. et al. (2013). Stress among Medical Students in Malaysia: A Systematic Review of Literatures. *International Medical Journal*, 20(6), 649-655.
- Salleh, R., Nair, M. S., & Harun, H. (2012). Job satisfaction, organizational commitment, and turnover intention: A case study on employees of a retail company in Malaysia. *International Journal of Economics and Management Engineering*, 6(12), 3429-3436.
- Sarebah, W., Rohayu, R., Ahmad, E., Halizah, A., Maziana, M., Azmanirah, A. R. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan* (25-26).
- Silva, A. (2016). What is leadership?. *Journal of Business Studies Quarterly*, 8(1), 15-16.
- Sklaveniti, C. (2017). Processes of entrepreneurial leadership: Co-acting creativity and direction in the emergence of new SME ventures. *Journal International Small Business*, 35(2), 197-213.

- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.
- Teicher, M. H., Samson, J. A., Anderson, C. M., & Ohashi, K. (2016). The effects of childhood maltreatment on brain structure, function and connectivity. *Nature Reviews Neuroscience*, 17(10), 652-666.
- Zainol, F. A., Daud, W. N. W., Shamsu, L., Abubakar, H. S., & Halim, H. A. (2018). A linkage between entrepreneurial leadership and SMEs performance: An integrated review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 104-118.
- Zhang, F., Wei, L., Sun, H., and Tung, L. C. (2018). *How entrepreneurial learning impacts one's intention towards entrepreneurship*. A planned behavior approach, Chinese Management Studies.